




KEUTAMAAN... Pencapaian pelajar sentiasa menjadi keutamaan UMS.



KOMITED... Datuk Harun komited melestarikan kecemerlangan.

20 tahun UMS lestarikan kecemerlangan

NST 18.2.2014 11

Gegak gempita bumi Beaufort, Sabah apabila mendengar pengumuman bersejarah Mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 31 Januari 1994. Pengumuman penubuhan sebuah institusi pengajian tinggi di negeri Sabah disambut dengan sorakan oleh masyarakat berbilang bangsa di Beaufort. Penubuhan Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 24 November 1994 yang dibina di atas tapak tanah seluas 999 ekar di tengah Bandaraya Kota Kinabalu menjadi bukti janji dikotakan.

Bermula dengan hanya tiga buah sekolah, iaitu Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Sekolah Sains dan Teknologi dan Sekolah Sains Sosial, kini setelah hampir dua dekad bertapak di bumi Negeri Di Bawah Bayu, UMS telah berkembang menjadi 13 buah sekolah, 16 pusat penyelidikan dan 2 kampus cawangan di Labuan dan Sandakan. Dan sehingga kini, UMS telah melahirkan sejumlah 40,748 graduan prasiswazah dan pasca siswazah yang berintelektual dan kompetitif dalam pelbagai bidang, sekali gus menjadi pemangkir kepada pertumbuhan pesat ekonomi Negeri Sabah.

Masyarakat khususnya penduduk di negeri Sabah dan negara secara amnya menerima impak yang besar hasil kewujudan UMS. Saban tahun UMS menerima lebih lima ribu pelajar baharu dari seluruh negara. Kemasukan pelajar baharu yang terdiri dari latar belakang dan budaya yang berbeza mampu memupuk integrasi nasional di dalam kampus. Tidak ketinggalan, kemasukan kumpulan pelajar dari negara luar juga mampu menyemarakkan lagi industri pelancongan Sabah.

UMS sebagai gedung ilmu turut membuka peluang pendidikan kepada golongan bekerja, terutama penduduk Negeri Sabah untuk meningkatkan tahap ilmu pengetahuan serta kemahiran melalui Pusat Luar UMS (PLUMS), yang menawarkan pelbagai bidang program di peringkat prasiswazah dan pasca siswazah. Penubuhan pusat ini bukan sahaja menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan masyarakat, malah telah membantu golongan bekerja, sama ada kakitangan agensi kerajaan mahupun swasta untuk meningkatkan kecekapan pekerjaan ke tahap lebih tinggi.

Dalam usaha melahirkan kumpulan graduan yang mempunyai kredibiliti dan kebolehpasaran yang tinggi, UMS sentiasa menitik beratkan aspek kemudahan pembelajaran, aktiviti serta pencapaian pelajar sama ada dalam bidang akademik mahupun kurikulum. Untuk itu, UMS telah melaksanakan program-program pembangunan pelajar yang merangkumi pelbagai bidang termasuk bidang akademik, kemasyarakatan, kerohanian, ekonomi, kesenian, sukan, sosial dan program lawatan ke luar Negara yang sejajar dengan hasrat universiti untuk melahirkan graduan yang seimbang dari segi intelek, jasmani, rohani dan emosi.

Bidang kepimpinan pelajar UMS tidak pernah ketinggalan dalam proses pembentukan mahasiswa yang berkualiti dan berketrampilan baik di per-

ingkat negeri, kebangsaan ataupun peringkat antarabangsa. Ini boleh dilihat melalui penglibatan barisan pemimpin pelajar UMS dalam beberapa program kepimpinan yang dianjurkan oleh pihak luar. Kepimpinan mahasiswa UMS dikukuhkan lagi dengan pendedahan yang diberikan melalui pengalaman menganjurkan sendiri program-program kepimpinan seperti Siri Seminar Kepimpinan, Seminar Kecemerlangan Akademik Mahasiswa, Kursus Kepimpinan dan Organisasi, Kursus Pembimbing Rakan Siswa (PR-Siswa) dan Kursus Pemantapan Kepimpinan Mahasiswa. Pasukan beruniform seperti Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES), Kor Sukarelawan Siswa-siswi dan sebagainya mendidik pelajar dalam elemen disiplin, asas penting dalam bidang kepimpinan pelajar.

Pelbagai aktiviti kemasyarakatan juga telah diadakan melibatkan mahasiswa dan mahasiswi UMS. Program-program ini telah dilaksanakan di beberapa daerah di sekitar Sabah dan di Semenanjung Malaysia. Selain Program yang dinamakan Bakti Siswa ini, program kemasyarakatan seperti lawatan ke badan-badan kebajikan seperti Rumah Anak-Anak Yatim, Pusat Warga Emas dan hospital turut dijalankan.

Bagi memantapkan lagi kepimpinan dan pembangunan sahsiah pelajar, pihak universiti tidak ketinggalan untuk menghantarkan para mahasiswa UMS ke luar negara bagi tujuan melihat sendiri suasana pembelajaran pelajar-pelajar luar negara melalui program Lawatan Sambil Belajar (LASBELA). Antara negara-negara yang pernah dikunjungi mahasiswa dan mahasiswi UMS termasuklah Negara Thai, Indonesia, China, Eropah, Arab Saudi dan Brunei Darussalam. Di samping sebagai pendedahan terhadap budaya pembelajaran para pelajar di luar negara, Program LASBELA juga memberi peluang kepada mahasiswa UMS untuk mewujudkan hubungan dan interaksi global dengan mahasiswa khasnya dan masyarakat global amnya.

Pelbagai kejayaan cemerlang juga turut dicapai oleh mahasiswa UMS sama ada di peringkat negeri mahupun kebangsaan pada sepanjang 20 tahun UMS. Kumpulan SIFE UMS misalnya telah muncul juara dalam pertandingan peringkat IPT Kebangsaan sekali gus mewakili Malaysia dalam Pertandingan SIFE World Cup di Berlin, Jerman pada tahun 2009. Ini disusuli dengan pencapaian cemerlang kumpulan Enactus UMS yang telah mengharumkan nama universiti apabila berjaya menuju Kejohanan Enactus Malaysia Exposition pada tahun 2013, sekali gus membawa bendera Malaysia ke Mexico. Dan terbaru, sekumpulan pelajar Sains Sukan UMS telah mencatat nama dalam Malaysia Book of Record pada Januari lalu apabila berjaya memecahkan rekod bagi cabaran Longest Distance Running on a Treadmill Run by a Group, yang dilakukan bersemepena dengan sambutan ulang tahun UMS ke 20.

Kecemerlangan aktiviti penyelidikan UMS di-



PALAPES ... Pasukan beruniform PALAPES mendidik elemen disiplin dalam pelajar.



CIPTA REKOD... Kejayaan Pelajar Sains Sukan mencatat nama dalam Malaysia Book of Record.

pac dengan penubuhan tiga buah institut penyelidikan berimpak tinggi, iaitu Institut Penyelidikan Marin Borneo, Institut Penyelidikan Bioteknologi, dan Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan. Kejayaan besar UMS dalam penyelidikan adalah apabila UMS telah dilantik sebagai peneraju EPP3 - Mini Estet Untuk Rumpai Lau bagi NKEA Pertanian, salah satu projek nasional yang mampu memacu usaha komprehensif dalam mentransformasikan Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Justeru itu, tidak hairan apabila UMS sering diberi kepercayaan melalui penganugerahan geran penyelidikan daripada agensi kerajaan bagi memulakan sesatu penyelidikan. Usaha ini bukan sahaja mampu merancakkan lagi budaya keilmuan malahan menaikkan lagi nama UMS di persada dunia melalui penerbitan artikel dan pembentangan hasil penyelidikan di peringkat antarabangsa. Peningkatan ini juga amat penting kerana ia menyumbang kepada usaha melahirkan lebih ramai graduan berkelulusan Sarjana dan Doktor Falsafah.

Dari Ipoh ke Singapura
Hujan lebat sampai Segamat
Orang gopoh kerap kecewa
Biar lambat asal selamat

Dalam tempoh 20 tahun, pembangunan UMS dijalankan secara berperingkat-peringkat mengikut edaran masa namun teratur. Ini menjadi resipi UMS dalam mencapai pelbagai kejayaan yang bukan sahaja memberi manfaat kepada masyarakat dan negara, tetapi turut mengangkasakan nama uni-

versiti dalam kalangan institusi pengajian tinggi tersohor. Justeru, dalam memastikan kelestarian dan kesinambungan terhadap kecemerlangan yang dikehendaki, Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah menitik beratkan keadaan semasa segala kemudahan yang tersedia agar aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan dapat dijalankan dengan baik.

"Penambahbaikan prasarana seperti kolej kediaman, pusat sukan, dan sebagainya; pemasangan kamera litar tertutup di kawasan-kawasan tertentu di dalam kampus bagi tujuan keselamatan, dan penjagaan terhadap kecerian kampus adalah harus bagi memastikan pelajar mendapat skala 100% dalam penyediaan kemudahan dalam kampus."

"Tiada kompromi dalam menjaga kepentingan pelajar yang sentiasa didahulukan," katanya.

Tingkap papan kayu berseri
Sampan sakat di Pulau Angsa
Indah tampan kerana budi
Tinggi bangsa kerana bahasa

Ketinggian sesuatu bangsa dicapai melalui ilmu yang dituntut. Justeru, kewujudan UMS sangat relevan dalam meningkatkan martabat ke-pelbagai bangsa yang wujud di bumi Malaysia. Untuk itu, UMS akan terus maju ke hadapan dalam memacu kecemerlangan pendidikan dan bertekad menghasilkan produk berkualiti universiti, iaitu graduan-graduan minda kelas pertama yang menjadi penggerak pembangunan negara, sekali gus mencapai misinya sebagai universiti yang berinovatif dan bertaraf dunia.